

Latihan 2: Bahasa Melayu Tahun 5

Kata Majmuk Kiasan

Arahan: Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Tarik kotak jawapan ke garisan kosong pada soalan.

berat sebelah

air muka

ringan tulang

otak cair

campur tangan

hati terbuka

mandi keringat

buah fikiran

dalam tangan

anak emas

1. Pengadil yang mengadili perlawanan malam itu dicemuh oleh penonton kerana _____.
2. Ketika keluar dari rumah, kita perlulah sentiasa menjaga kelakuan dan _____ keluarga.
3. Sikap Ahmad yang _____ itu amat disenangi oleh rakan-rakan sekelasnya.
4. Raidah dapat menjawab soalan Matematik itu dengan pantas, dia seorang yang _____.
5. Cikgu Hamizan terpaksa _____ setelah pergaduhan antara Fikri dan Amran tidak dapat diuraikan.
6. Keluarga Danish menerima kedatangan tetamu dengan _____.
7. Penduduk Palestine ber _____ untuk membangunkan semula kediaman yang musnah dibom Tentera Israel.
8. Sebagai ketua kelas, Aqil mendengar semua _____ daripada rakan-rakan sekelas untuk menceriakan kelas.
9. Pasukan bola jaring sekolah berjaya ke perlawanan peringkat akhir, sekurang-kurangnya untuk menjadi naib juara sudah _____.
10. Izz Zarfan merupakan _____ sekolah kami kerana dia sering mengharumkan nama sekolah dalam pertandingan pidato dan bola sepak.